



**JABATAN PERHUTANAN  
NEGERI PERAK PERAK DARUL RIDZUAN  
KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA**



**TARIKH IKLAN : 16 JULAI 2025**

Sebut harga adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang **210101, 210102, 210103, 210105, 210107** serta berdaftar dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak Darul Ridzuan untuk menyertai sebut harga berikut::

BIL	NOMBOR SEBUT HARGA DAN TAJUK PROJEK	LAWATAN TAPAK/TEMPAT BERKUMPUL	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH DAN MASA SEBUT HARGA DITUTUP
1.	<b>PPN.PK.(SH) 81/2025 (IT)</b>  Perkhidmatan Membekal, Menghantar, Memasang, Mengkonfigurasi, Menguji Dan Mentauliah Projek Naik Taraf Rangkaian LAN (Local Area Network), Fiber Core Switch, Switch, Kabeling Fiber Optik Di Jabatan Perhutanan Negeri Perak Darul Ridzuan.	<b>Tarikh :</b> 21 Julai 2025 (Isnin)  <b>Masa :</b> 10:00 pagi  <b>Tempat :</b> Aras 1, Bilik Mesyuarat 2, Jabatan Perhutanan Negeri Perak	<b>Tarikh :</b> 21 Julai 2025 (Isnin)  <b>Tempat :</b> Aras 1, Unit IT, Jabatan Perhutanan Negeri Perak	<b>Tarikh :</b> 28 Julai 2025 (Isnin)  <b>Masa :</b> 12.00 Tengahari

1. Kontraktor yang berminat untuk menyertai sebut harga ini adalah **diwajibkan untuk menghadiri sesi taklimat sebut harga** seperti mana ketetapan di dalam Kenyataan Tawaran Sebut Harga.
2. Hanya penama syarikat yang sah sahaja dibenarkan menghadiri taklimat dan mengikuti lawatan tapak dan perlu membawa dan menyerahkan **sesalinan dokumen berikut :**
  - a) Kad Pengenalan pemilik syarikat;
  - b) Sijil pendaftaran yang masih aktif dan sah tempoh yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); dan
  - c) Pendaftaran yang masih aktif dan sah tempoh yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (KKM).
  - d) Resit pendaftaran dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak yang masih sah tempoh.
3. Lawatan tapak akan dilaksanakan pada **21 Julai 2025 (Isnin)** bermula jam 10 pagi hingga 1 tengahari. Penyertaan akan **DIBATALKAN** sekiranya tuan/puan tidak menyertai lawatan tapak ini. Sila berkumpul di Aras 1, Bilik Mesyuarat 2, Jabatan Perhutanan Negeri Perak, pada tarikh dan masa lawatan tapak tersebut. Tuan/puan

nendakian berpakaian mengikut kod pemakaian yang ditetapkan kepada orang ramai ketika berurusan di pejabat kerajaan (Pemakaian selipar adalah dilarang).

4. Dokumen Sebut Harga boleh dibeli **mulai 21 Julai 2025 (Isnin) sehingga tarikh dan masa tutup sebut harga se pertimana ketetapan di dalam Kenyataan Tawaran Sebut Harga**. Dokumen Sebut Harga tersebut boleh diperolehi pada waktu pejabat dari 9.00 pagi hingga 4.00 petang bagi Isnin hingga Khamis, manakala pada hari Jumaat dari pukul 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari sahaja di **Aras 1, Unit IT, Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Persiaran Meru Utama, Bandar Meru Raya, 30020, Ipoh Perak**.
5. Dokumen Sebut Harga akan dijual dengan harga **RM 20.00 senaskhah** kepada kontraktor-kontraktor atau penama-penama yang sah sahaja. Semua bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk **Kad Debit/Kredit, Wang Pos atau Bank Deraf** atas nama "**BENDAHARI NEGERI PERAK**". Bayaran secara **Wang Tunai** tidak akan diterima. Semasa pembelian dokumen sebut harga, penama juga **DIWAJIBKAN** membawa **cop syarikat** serta perlu mengemukakan bersama **Salinan Pendaftaran dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak** bagi tahun semasa.
6. Kontraktor atau penama juga diminta untuk mengemukakan bersama **Sijil Pendaftaran Asal yang masih aktif yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) dan Resit Pendaftaran dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak**.
7. Dokumen sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri ditulis '**SEBUT HARGA PPN.PK.(SH) 81/2025 (IT)**' pada sudut atas sebelah kiri sampul, dialamatkan kepada **Pengarah, Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Persiaran Meru Utama, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh, Perak Darul Ridzuan**.
8. Sampul sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan di **Bilik Tender, Aras G, Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Persiaran Meru Utama, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh, Perak Darul Ridzuan sebelum atau pada 28 Julai 2025 (Isnin) pada jam 12.00 tengahari**. Pentadbiran ini tidak bertanggungjawab terhadap sebut harga yang lewat atau hilang jika dihantar melalui pos.
9. Pemilihan kontraktor yang berjaya adalah berdasarkan analisa sistem 'cut-off'. Oleh yang demikian, kerajaan tidak terikat untuk menerima sebut harga terendah atau sebarang sebut harga.
10. Tuan/puan boleh menghubungi pegawai berkenaan bagi sebarang pertanyaan berkenan sebut harga ini.

**10.1 Puan Norsuhana Binti Nurdin (05 5288222)**

**10.2 Encik Mohd Hezly Bin Mustafa (05 5288224)**

**PENGARAH  
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK  
PERSIARAN MERU UTAMA  
BANDAR MERU RAYA  
30020 IPOH PERAK DARUL RIDZUAN**

b.p. Pengarah Perhutanan Negeri Perak  
**RUSLI BIN TAHIR**  
Timbalan Pengarah (Pembangunan)  
Jabatan Perhutanan Negeri  
Perak Darul Ridzuan